

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PELANCARAN BSA BEROTOMASIKAN ROBOTIK YANG PERTAMA DI**  
**ASIA DAN MERASMIKAN KILANG KEEMPAT RIM RODA ALOI BSA**  
**DI KILANG KEEMPAT RIM RODA ALOI BSA**  
**7 FEBRUARI 2002**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

YBhg Dato' (Dr.) Cam Soh Thiam Hong Pengerusi Eksekutif Kumpulan BSA International Berhad

Dif-Dif Kehormat

Tuan-tuan dan Puan-puan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak BSA kerana menjemput saya pada hari ini bagi melancarkan BSA berotomasikan robotik pertama di asia dan seterusnya merasmikan kilang rim roda aloi BSA yang keempat\*

2. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, BSA merupakan sebuah syarikat milik penuh anak tempatan\* pencapaian BSA menghasilkan rim roda aloi yang diterima pasaran antarabangsa ialah sesuatu yang membanggakan\*

3. Saya juga berbangga dengan langkah yang diambil oleh syarikat ini yang melaksanakan BSA berotomasikan robotik\* Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat- syarikat tempatan supaya memberi tumpuan kepada industri intensif modal (capital intensive) dan industri yang menggunakan teknologi tinggi, sejajar dengan langkah kita ke arah ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan (k-ekonomi)\* Inisiatif-inisiatif seperti ini dapat mengurangkan pergantungan Malaysia kepada tenaga buruh, terutamanya tenaga buruh asing\* Sekaligus, ia menaikkan tahap kemahiran pekerja-pekerja tempatan supaya menjadi lebih efisien dan produktif\*

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Sektor pembuatan menyumbang hampir satu pertiga daripada keluaran dalam negeri kasar Malaysia dan hampir 87% daripada eksport negara\* Oleh itu, kerajaan sememangnya menggalakkan pembangunan sektor perkilangan\* Dasar kerajaan ialah untuk menggalakkan pembangunan perindustrian, menerusi pelan induk perindustrian kedua atau imp2, yang menggariskan beberapa strategi utama\* Antara strategi berkenaan ialah penumpuan kepada pasaran global, peningkatan daya saing, dan penggunaan proses intensif maklumat\*

5. Sektor perkilangan telah dan akan terus memainkan peranan penting di dalam mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia\* Sejak tiga dekad yang lalu, sektor berkenaan berjaya menarik pelaburan terus asing (fdi), membangunkan teknologi baru dan mencipta banyak peluang pekerjaan\* Kejayaan ini boleh dilihat terutamanya di dalam industri pengeluaran berorientasikan eksport\*

6. Hari ini, kita dapat melihat syarikat multinasional seperti Motorola, Intel, Ericsson dan Matsushita bukan sahaja menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran barangan mereka, tetapi turut mendirikan pusat penyelidikan dan pembangunan dan rekabentuk produk mereka di sini\* Di samping itu, melalui dasar-dasar yang pragmatik, Malaysia juga telah berjaya mewujudkan syarikat-syarikat tempatan

yang memainkan peranan penting di dalam rangkaian pengeluaran global terutamanya di dalam sub-sektor petrokimia, elektronik, tekstil dan automobil\*

7. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan semua pekilang tempatan agar pencapaian tersebut tidak menjadikan kita cepat berpuas hati\*

8. Kita akan menghadapi berbagai cabaran pada masa yang akan datang, terutamanya akibat daripada globalisasi dan liberalisasi\*

Persaingan global semakin meningkat akibat liberalisasi pasaran\* Kemasukan negara China ke dalam pertubuhan perdagangan dunia, atau WTO juga akan memberi kesan terhadap pengeksport Malaysia\* China mempunyai daya saing yang tinggi, hasil daripada kos buruh yang rendah, serta pasaran domestik yang luas\*

9. Begitu juga dengan pelaksanaan kawasan perdagangan bebas ASEAN (AFTA) yang akan merangsangkan saingan antara pengusaha - pengusaha di rantau ASEAN\* menurut perjanjian AFTA, keperluan kandungan tempatan akan dihapuskan dan tarif akan dipotong secara progresif kepada kosong hingga lima peratus di dalam lingkungan pasaran ASEAN mulai tahun 2005 nanti\*

10. Namun, saya percaya walaupun perkembangan ini memberi cabaran besar kepada negara dan syarikat- syarikat tempatan, kini Malaysia lebih bersedia untuk menangani implikasi perkembangan tersebut\*

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Saya difahamkan dalam bahasa Cina, huruf atau "character" yang melambangkan risiko (risk) adalah sama dengan huruf yang melambangkan peluang (opportunity)\*

12. Saya percaya bahawa ini mencerminkan situasi yang dihadapi pekilang - pekilang tempatan\* Globalisasi dan liberalisasi akan membuka jalan kepada pengusaha - pengusaha luar untuk memasuki pasaran Malaysia. Pada masa yang sama, ia akan memberi peluang kepada pengusaha - pengusaha Malaysia melebarkan sayap ke seberang laut\*

13. Di bawah sistem perdagangan pelbagai hala, pasaran tempatan tidak lagi merupakan pasaran yang dilindungi kepada pengeluar tempatan sahaja\* Pengguna - pengguna akan memilih produk yang mereka anggap terbaik dan memenuhi cita rasa mereka\*

Oleh kerana itu, saya sarankan supaya pekilang - pekilang tempatan membuat persediaan yang cukup bagi merampas peluang ini\*

Awasilah perkembangan antarabangsa dengan lebih rapi dan pastikan kita sentiasa berada dalam kedudukan yang baik untuk bertindak balas dan menangani cabaran yang timbul\*

Terokailah usaha-usaha memasarkan produk tempatan secara agresif di pasaran-pasaran baru\* Kerajaan sudah pun mengenal pasti rantau timur tengah dan China sebagai dua pasaran baru yang amat berpotensi untuk produk keluaran Malaysia\* Usaha perlu dijalankan untuk mengadakan pameran di luar negara dan membentuk ikatan strategik bersama syarikat di pasaran sasaran. Menerusi agensinya seperti Matrade, kerajaan akan membantu para pekilang menembusi pasaran berkenaan\*

Syarikat tempatan harus menyiapkan diri dan menguruskan sebaran teknologi yang pesat ke dalam setiap proses kerja dan operasi mereka\* Malaysia tidak boleh lagi berpegang kepada industri yang berbentuk intensif - pekerja kerana struktur kos di negara - negara seperti China jauh lebih rendah\* Penganjakan kepada automasi boleh menyumbang kepada kaedah pembuatan yang lebih berkesan\* Ia mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh dan menambahkan kecekapan kos\*

Pengusaha kilang juga seharusnya menyediakan peruntukan bagi tujuan perbelanjaan untuk kajian pembangunan produk serta latihan bagi pekerjanya\* Ini adalah kerana pengguna dijangka akan meminta produk yang berkuasa dan berprestasi tinggi, memenuhi piawaian global dari segi keselamatan, ketahanan dan alam sekitar serta reka bentuk dan model yang lebih pelbagai. Sekiranya pengusaha tidak memenuhi kehendak pengguna, mereka akan tercicir dan akhirnya tersingkir dari pasaran\*

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Daripada apa yang telah dimaklumkan kepada saya, pihak BSA telah menunjukkan ciri-ciri sebuah syarikat yang bersedia menghadapi saingan antarabangsa\*

Produk rim roda aloi yang dihasilkan oleh BSA pada hari ini telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa, di mana BSA berjaya mengeksport produknya ke lebih 60 buah negara termasuk negara G7\*

Tambahan pula, 90 peratus produk rim roda aloi yang dipasarkan adalah di bawah cap dagangan BSA\* Saya ingin mengucapkan tahniah kepada BSA kerana berani memasarkan produknya di bawah jenamanya sendiri\* Usaha murni sebegini menaikkan jenama dan produk keluaran Malaysia di seluruh dunia\*

15. Dalam pada itu, BSA boleh menjadi syarikat contoh di Malaysia berdasarkan kejayaannya menerokai teknologi baru \* BSA adalah pekilang perintis di Asia yang menggunakan sistem komputer kawalan berangka (CNC) berautomasikan robotik sepenuhnya\*

16. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada BSA kerana sudi menyumbangkan tenaga serta wang ringgit untuk menaikkan lagi nama Malaysia di persada sukan formula 1 antarabangsa\* Mereka terbabit sebagai salah satu penaja kepada "Go KL Minardi Asiatech Formula 1 Team"\* Saya ingin menjemput syarikat-syarikat lain untuk mencontohi usaha murni ini\*

17. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Cam Soh serta BSA di atas pencapaian syarikat setakat ini\* Semoga BSA akan terus berjaya di masa hadapan serta mencapai cita-citanya untuk menjadi salah satu daripada pengeluar rim roda aloi yang terulung di dunia\*

18. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya melancarkan BSA berotomasikan robotik yang pertama di Asia dan merasmikan pembukaan kilang keempat rim roda aloi BSA\*

Terima Kasih\*